

26/10/1997

Pasaran terbuka perlu pembedulan

Mior Kamarul Shahid in Edinburgh

EDINBURGH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya sesuatu langkah pembedulan diambil untuk memperbaiki kelemahan sistem pasaran terbuka.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, tindakan tertentu perlu dikenakan terhadap mereka yang menyalahgunakan sistem itu.

Dalam satu laporan khas Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel 1997 (CHOGM) yang diterbitkan majalah First, Dr Mahathir menjelaskan mengikut sejarah pasaran bebas, beberapa langkah sekatan pernah dilaksanakan terhadap pihak yang menyalahgunakan kebebasan pasaran.

Katanya, cara seperti ini pernah dilakukan oleh Rockefeller ketika bertindak terhadap amalan monopoli.

"Pasaran tidak pernah sempurna. Pada masa tertentu, kita harus mengambil tindakan pembedulan," katanya dalam wawancara khas tiga halaman dengan majalah itu. Majalah First terbitan International Investment Community diedarkan sempena persidangan Chogm di sini.

Selain Dr Mahathir, pemimpin yang mendapat tempat dalam majalah itu ialah Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, Perdana Menteri Australia, John Howard, Perdana Menteri India, Kumar Gujral, Presiden Pakistan, Nawaz Sharif, Presiden Sri Lanka, Chandrika Bandaranaike dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan mengadakan peraturan terhadap pelabur spekulator, Dr Mahathir berkata, ada cara tertentu untuk melakukannya.

"Perdagangan mata wang adalah 20 kali lebih besar daripada perdagangan dunia. Siapakah pedagang berkenaan? Apa yang mereka lakukan dengan wang sebanyak itu? Kepada siapa mereka membayar cukai? Kita tidak pasti.

"Yang pasti mereka tidak membayar cukai kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga pernah dituduh sebagai pengacau di negara sendiri.

"Kalau saya menjadi pengacau, negara ini tidak akan menjadi begitu makmur hingga mereka datang mengganggu," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan Malaysia membuka pasarannya kepada setiap mereka yang jujur.

Baginya, pelabur asing dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama ialah pelabur jangka panjang yang serius dan menanam modal dengan membuka kilang, mengeluarkan barangan dan menyediakan perkhidmatan.

"Satu lagi kumpulan ialah mereka yang datang membeli saham untuk melonjakkan nilainya dan kemudian melonggokkan saham mereka untuk membuat untung."

"Golongan ini mempunyai wang yang banyak dan tidak berminat terhadap prestasi syarikat yang mereka labur."

"Ia mungkin dilakukan secara sah tetapi tidak ada sebab ia sah untuk selama-lamanya."

"Mereka inilah yang pergi dari sebuah negara ke negara lain melabur saham, melonjakkan nilai saham, melonggokkan saham dan pergi ke negara lain."

"Secara asasnya, ini adalah wang panas. Mereka adalah pelabur jangka pendek," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak memerlukan pelabur seperti ini kerana mereka merosakkan pasaran.

"Malaysia akan terus membuka pasarannya tetapi kami mahu pelabur tulen. Kami mahukan pelabur yang benar-benar mahu membeli barangan yang kami keluarkan.

"Jika mereka mahu menukar dolar Amerika Syarikat untuk mendapatkan ringgit dengan membeli sesuatu dalam ringgit, kami mengalu-alukan mereka. Sebaliknya, apabila mereka mengambil wang kami sebagai komoditi, sudah tentu kami tidak memerlukan mereka kerana bagi golongan ini wang adalah bahan yang diperdagangkan.

"Wang tanpa perdagangan barangan dan perkhidmatan tidak mempunyai sebarang nilai. Kita boleh mempunyai barangan dan perkhidmatan, tetapi perdagangan mata wang tidak boleh wujud tanpa perdagangan barangan dan perkhidmatan," tambahnya.

Dr Mahathir juga diajukan soalan mengenai kedudukannya yang dikatakan sebagai jaguh negara-negara dunia ketiga.

"Saya tidak menganggapnya begitu. Tetapi masalah yang kami hadapi di Malaysia biasanya sama dengan masalah di kebanyakan negara membangun lain. Jadi, apabila saya bercakap mengenai masalah Malaysia, negara lain terdorong menyamakan isu itu dengan masalah mereka dan menyokong apa yang saya katakan."

"Saya dilihat mendahului sesuatu isu. Sebenarnya ia hanyalah mengenai matlamat bersama," katanya.

Mengenai soalan kepentingan Komanwel tidak digunakan sepenuhnya pada masa ini, Dr Mahathir menjelaskan ia tidak dianggap begitu penting oleh kerajaan United Kingdom yang lalu.

Menurutnya, kerajaan Britain hari ini menunjukkan sedikit minat terhadap Komanwel.

"Saya mengaku bahawa pada peringkat awal saya menolak Komanwel. Saya tidak mahu menghadiri mesyuaratnya tetapi lama kelamaan saya didorong untuk mengambil bahagian selepas diberi jaminan negara membangun akan diberi perhatian," katanya.

Menjawab soalan mengenai fungsi Komanwel meningkatkan perdagangan bebas, Dr Mahathir menjelaskan bahawa ia boleh dilakukan jika rakyat memutuskan untuk menjadikannya sebagai pakatan perdagangan.

"Hakikatnya, Eropah adalah satu pakatan, Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) adalah satu pakatan dan jika kita mahu membuat urusan dengan pakatan, kita harus menguruskannya secara pakatan," katanya.

(END)